



Zulkiple Abd Ghani

Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Dakwah dalam
Era Siber
di Malaysia

Dakwah dalam Era Siber di Malaysia

Zulkiplé Abd Ghani

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2010

CETAKAN PERTAMA 2010

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083

www.usim.edu.my

pej.penerbitan@usim.edu.my

Dicetak oleh:

Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Lot 18, Jalan 4/10B,

Spring Crest Industrial Park,

Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Zulkiple Abd. Ghani

Dakwah dalam era siber di Malaysia / Zulkiple Abd. Ghani

Mengandungi indeks

Bibliografi : ms. 175

ISBN 978-967-5295-40-9

1. Da'wah (Islam).
2. Information technology--Religious aspect--Islam.
3. Internet (Computer network)--Religious aspects--Islam. I. Judul. 297.74

Dakwah dalam Era Siber di Malaysia

KANDUNGAN

Prakata	vii
Pendahuluan	ix
Bab 1: Metodologi Dakwah	1
Asas Metodologi Dakwah	2
Metodologi dalam Proses Pendakwaan	7
Metodologi Dakwah di Malaysia	10
Kesimpulan	20
Bab 2: Pendakwah dan Teknologi	21
Pendakwah dan Latar Belakang Teknologi	22
Teknologi Komunikasi	32
Pendakwah dan Literasi ICT	36
Pendakwah Celik Komputer	39
Pendakwah Celik Maklumat	43
Dakwah Berbantuan Komputer	46
Kesimpulan	47
Bab 3: MSC Pemangkin Dakwah	49
MSC Malaysia	50
Kerangka Kerja Analisis	55
Tanggungjawab Kepimpinan	58
Membangun Kapasiti Individu dan Organisasi	64
Kefahaman dan Penglibatan dalam ICT	70
Menyesuaikan Mauduk dengan Keperluan Semasa	76
Kesimpulan	81
Bab 4: Dakwah dalam Masyarakat Jaringan	83
Perkembangan Budaya Masyarakat Jaringan	84
Orientasi Dakwah dan Budaya <i>Netizen</i>	87
Pengalaman dan Cabaran Dakwah <i>Netizen</i>	92
Kesimpulan	84

Bab 5:	Pengalaman Konversi Islam di Internet	97
	Konversi di Laman Sesawang	98
	Faktor-faktor Konversi	106
	Kes-kes Konversi Individu: Mencari Kebenaran	109
	Kesimpulan	117
Bab 6:	Komuniti Ibu Tunggal Islam dan Budaya Internet	119
	Masyarakat Jaringan	119
	Pembentukan Identiti Ibu Tunggal	120
	Kaunselor Siber	126
	Kesimpulan	132
Bab 7:	Digital Islam: Harapan Peradaban Baharu	133
	Rasul sebagai Penyampai	135
	Dari Islam ke 'Islamnet'	141
	Digital Islam dan Peradaban Baru	145
	Kesimpulan	148
Bab 8:	Pengaruh Budaya Popular pada Zaman ICT	149
	Budaya Popular Islam	150
	Pengaruh Budaya Popular: Kes Negara Arab	154
	Pembentukan Budaya Popular Islam	156
	Kesimpulan	160
Bab 9:	Seni Islam di Media: Literalis vs Idealis	161
	Kerangka Teori Seni Islam	162
	Konflik Idealis dan Realitis	167
	Seni Islam dalam Media Baharu	171
	Kesimpulan	173
	Lampiran	175
	Rujukan	191
	Indeks	199

PRAKATA

Terlebih dahulu saya merakamkan kesyukuran kepada Allah SWT atas rahmat-Nya sehingga membolehkan kita terus berada dalam nikmat agama Islam. Dengan nikmat kurniaan tersebut, memang sebagai hamba Allah, kita wajar berusaha untuk berkongsi keimanan kepada Allah dengan menuruti jejak perjuangan Rasulullah SAW.

Sebagai sebuah fakulti yang menjunjung falsafah paduan antara ilmu naqli dan aqli serta budi pekerti yang mulia, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa berusaha untuk mengukuhkan akar ilmu yang bersumberkan wahyu di samping tidak melupakan realiti permasalahan yang dihadapi oleh ummah kini. Usaha-usaha akademik untuk mengangkat martabat ilmu khususnya melalui penyelidikan dan penerbitan bahan-bahan ilmiah amat digalakkan. Wacana yang berterusan di samping perbahasan ilmu dalam lingkungan budaya beradab akan terus dipergiatkan. Memandangkan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan memiliki aset tenaga pengajar daripada pelbagai disiplin dan latar belakang, peluang untuk berwacana merentasi sempadan disiplin ilmu masing-masing cukup luas dan unik. Aset ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya sesuai dengan perkembangan ilmu yang berlaku di seluruh dunia kini yang memberi tumpuan kepada keperluan merentasi disiplin.

Semoga penerbitan buku ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar khususnya dalam aliran dakwah dan komunikasi, tetapi juga kepada pembaca awam. Saya mendoakan semoga usaha murni penerbitan buku ini akan terus menjadi amal bakti yang mengalirkan pahalanya secara berterusan.

DR. MOHD. RUSHDAN MOHD. JAILANI

Dekan,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia

PENDAHULUAN

Dalam al-Quran surah al-Mursalat ayat 1-6, Allah SWT berfirman maksudnya: “Demi (makhluk-makhluk) yang dihantarkan berturut-turut (menjalankan tugasnya), juga yang merempuh mara dengan sekencang-kencangnya, dan demi (makhluk-makhluk) yang menyebarkan (pengajaran dan peringatan) dengan sebaran yang bersungguh-sungguhnya, serta yang memisahkan (antara yang benar dengan yang salah) dengan pemisahan yang sejelas-jelasnya, lalu menyampaikan pengajaran dan peringatan (kepada manusia)”.

Para ahli tafsir menyebutkan bahawa ‘makhluk’ yang disebut oleh Allah dalam konteks ayat ini merujuk sama ada kepada ‘angin’ atau ‘malaikat’ dan boleh jadi juga yang lain daripada itu. Ada juga yang menyatakan ayat 1 hingga 3 merujuk kepada angin manakala ayat 4 hingga 6 merujuk kepada malaikat (Tafsir Pimpinan ar-Rahman, 2001). A. Yusof Ali (1983) pula merujuk *al-mursalat* (mereka yang diutus) sebagai angin yang cukup berkuasa menentukan urusan governan dunia fizikal, sama ada angin yang bertiup lembut membawa rahmat hujan dan menyuburkan bumi atau angin yang bertiup kencang seperti puting beliung yang bersifat memusnahkan. *Al-mursalat* itu juga menurut beliau “they literally carry sound, and therefore Messages, and metaphorically they are instrumental in making God’s Revelation assessible to the hearers”.

Tafsiran tentang *al-mursalat* boleh dikaitkan dengan teknologi komunikasi baru dan ia boleh membuka satu lembaran baru tentang ayat-ayat Allah yang membuktikan kebesaran-Nya. Dalam usaha untuk memahami maksud *al-mursalat* dalam konteks tersebut, perbandingan perlu dilakukan dengan melihat kepada beberapa ayat al-Quran lain yang boleh menjelaskan fenomena ini. Misalnya, al-

Quran menggunakan perkataan 'al-rih' yang bermaksud 'angin' seperti dalam surah Saba' ayat 12. 'al-rih' yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman A.S. membolehkan Baginda menjimatkan masa iaitu "sepagi perjalanannya menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya menyamai perjalanan biasa sebulan; dan kami alirkan baginya mata air dari tembaga (al-qitr)". Kaitan antara 'al-qitr' dan 'al-rih' berkait rapat dengan teknologi satelit yang menjadi 'makhluk' utama dalam konteks perkembangan komunikasi baru kini. Teknologi satelit umpamanya berfungsi menyalurkan signal-signal berupa data, audio dan video ke bumi untuk tujuan telekomunikasi dan boleh dikatakan dengan menggunakan *al-mursalat*. Gelombang mikro dalam konteks ini mungkin boleh diandaikan sebagai satu komponen daripada *al-mursalat* dan menjadi sumber kuasa atau pengawal sistem yang memberi impak besar kepada kehidupan manusia terutama dalam membawa makna-makna tertentu. Al-Quran merupakan kandungan besar yang bersumber daripada Allah dan perlu disebar luas secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan makna bagi kehidupan dan membezakan antara yang hak dan yang batil.

Dakwah dalam era siber merujuk kepada proses penyampaian dan perkongsian mesej Islam menggunakan alatan atau instrumen komunikasi baru yang menggabungkan teknologi komputer, satelit dan penyiaran. Sebagai agama yang benar untuk seluruh manusia, dakwah berperanan sebagai medium yang memandu manusia supaya mereka sentiasa berada di landasan yang lurus tanpa dipengaruhi oleh fenomena persekitaran. Landasan yang lurus tersebut bukan tertakluk kepada pentafsiran manusia yang sentiasa berubah-ubah berdasarkan perubahan zaman, tetapi ditentukan oleh sumber wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang berfungsi sebagai rangka rujuk utama kepada manusia sejak lebih 1400 tahun dahulu. Dalam persekitaran baru ini, dakwah masih menekankan kepada fungsi utama manusia iaitu sebagai khalifah Allah di muka bumi dan mereka bertanggungjawab untuk menyembah-Nya.

Buku ini terhasil daripada beberapa pengkajian yang dilakukan oleh penulis untuk mensintesis antara ilmu dakwah dan komunikasi. Dakwah yang metodologinya berasaskan manhaj rabbani sentiasa dinamik terutama untuk mengadaptasi instrumen-instrumen teknologi

baru bagi manfaat manusia keseluruhannya. Buku ini mengandungi sembilan bab dengan bab pertama menghuraikan persoalan berkaitan metodologi dakwah serta perkembangannya yang melalui beberapa fasa perubahan tertentu. Berasaskan kerangka metodologi tersebut, bab dua dan tiga mengemukakan perbincangan tentang latar belakang pendakwah dan teknologi serta perancangan yang dilakukan khususnya oleh kerajaan Malaysia dalam membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Dilihat dari perspektif persaingan sejagat, MSC boleh menjadi batu loncatan kepada dakwah iaitu dengan membangunkan potensi umat Islam agar keluar dari mentaliti pengguna kepada pencipta. Justeru, memahami ciri-ciri masyarakat jaringan, yang dibincangkan dalam bab keempat, adalah keperluan mendesak kepada pendakwah. Melalui pemahaman terhadap masyarakat jaringan, isi kandungan dakwah serta kaedah penyampaiannya boleh disesuaikan dengan khalayak yang bukan sahaja pelbagai sifatnya, malah begitu pluralistik dan metropolitan.

Dua isu yang dianggap sebagai kes dakwah dalam era siber di hurai dalam bab lima dan enam. Isu konversi Islam di Internet cuba memperlihatkan kedinamikan Internet khususnya sebagai wahana yang boleh menyebabkan berlakunya konversi dan seterusnya membantu dalam proses reformasi iman. Komuniti yang terpinggir seperti ibu tunggal turut mendapat manfaat dalam konteks persekitaran dakwah siber. Melalui teknologi Internet, kaunselor siber turut berperanan sebagai saluran yang boleh membantu ibu tunggal menyelesaikan permasalahan kehidupan. Menariknya, akses kepada kaunselor siber berlaku dalam ruang fizikal yang jauh misalnya antara klien di negara Eropah dengan Asia Barat dan pastinya menuntut kepada dimensi baru berbanding dengan praktik kaunseling konvensional. Dalam bab ketujuh, perbincangan terhadap fenomena 'digital Islam' turut dikemukakan. Perubahan dari sistem analog kepada digital menyebabkan mauduk Islam menjadi rencam dan bersaing dalam dunia maya. Peluang terbentang luas kepada pendakwah khususnya untuk mengemukakan peradaban baru kepada kemanusiaan sejagat iaitu sebuah peradaban yang selamat, sejahtera dan saling menghormati sesama manusia.

Dua bab yang terakhir memfokuskan kepada kekangan dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh pendakwah dalam konteks dakwah dalam era siber. Pembentukan budaya popular Islam serta pemahaman terhadap fenomena seni Islam adalah dua isu yang saling berkait. Pendakwah bukan sahaja perlu menolak pendekatan menghukum apabila membincangkan tentang seni dan budaya popular, tetapi mereka juga perlu bersikap proaktif dengan menjadi pengeluar dan pengusaha yang membangunkan budaya popular Islam untuk mengisi kekosongan yang wujud. Tanpa pendekatan proaktif dan sistematik, dakwah dalam persekitaran siber akan berhadapan dengan persaingan yang bernatijah menang atau kalah khususnya dalam merebut persepsi khalayak. Justeru, pendakwah perlu memasuki gelanggang siber yang bersimpang siur dengan mewujudkan kelompok besar yang berfungsi sebagai k-pendakwah dan juga e-pendakwah.

Sebagai satu penerokaan dalam sebuah gelanggang yang besar dan mencabar serta cepat berubah, buku ini boleh diberi penambahbaikan oleh pelbagai golongan pendakwah. Kepada rakan-rakan akademik, para pelajar siswazah dan pascasiswazah yang pernah berwacana bersama penulis serta institusi-institusi yang pernah dibentangkan idea-idea awal yang terkandung dalam buku ini, semuanya diucapkan ribuan terima kasih. Semoga idea-idea yang digarap dan dibentangkan dalam buku ini akan menghasilkan lebih banyak gagasan dan penyelesaian yang memandu manusia kembali kepada Allah dan menjadi hamba-Nya yang taat.

Hormat dari saya,

ZULKIPLE ABD GHANI

USIM Bandar Baru Nilai

9 Rabiulakhir 1431H/25 Mac 2010

RUJUKAN

- Abdullah H. Abdul Gader dan Muhammad al-Buraey. 1998. "An Islamic Perspective on Managing Information Technology: Towards a Global Understanding". *Islam Studies*. No. 37. Jil. 1.
- Ab. Aziz b. Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghani Samsudin. 2002. "ICT Pencambah Ilmu Bercahaya Penyebar Khazanah perpustakaan Ilmu-Ilmu Islam", (Pembentangan Kertas Kerja). *International Seminar and Expo on Muslims' Technology and Innovation*. Pusat Pendidikan Islam UiTM, Shah Alam. 29-31 Oktober.
- Ahmad Ghalwash. 1978. *al-Da'wah al-Islamiyyah Usulubawa Wasailuba*. al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misr.
- Ahmad Kamil Mohamed. 1989. "The Information Base for an Ethical Being" (Pembentangan Kertas Kerja). *Seminar on Communication from the Islamic Perspective*. ITM, 5-7 Oktober.
- Ahmad Hassan dan Donald Hill. 1986. *Islamic Technology An Illustrated History*. London: Cambridge University Press.
- Ahmad Murad Merican. 2005. *Media History Worldviews and Communication Futures*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Ahmad Zaki Abd Latiff. 1997. *Perbandaran di Timur Tengah Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abd 1-3 Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali al-Hail 2004. "The Proposed Satellite Television Channel of the Organization of Islamic Conference: A Response to Moral Panic?". *TBS*, fall. <http://www.tbsjournal.com/alhail.html>

- Arnold, T.W. 1979. *The Preaching of Islam: A History of The Propagation of the Muslim Faith*. Lahore: SH Muhammad Ashraf.
- Aslam Abdullah. 1989. Muslim Print Media: Present Status and Future Directions. Dalam Merryl Wyn Davies dan Adnan Khalil Pasha (ed.). *Beyond Frontiers: Islam and Contemporary Needs*. London: Mansell.
- Boyd, Douglas. 1982. *Broadcasting in the Arab World: A Survey of Radio and Television in the Middle East*. Philadelphia: Temple University Press.
- Bunt, G. R. 2003. *Islam in the Digital Age: E-Jihad, Online Fatwas and Cyber Islamic Environment*. London: Pluto Press.
- Bunt, G. R. 2009. iMuslim Rewiring the House of Islam. The University of North Carolina Press. <http://www.unc.edu/browse/page577>. Akses 15 Ogos 2009.
- Carey, J.W. & Kreiling A.L. 1974. Popular Culture and Uses and Gratifications: Notes Toward an Accomodation, in Jay G Blumler and Elihu Katz (eds.). *The Uses of Mass Communications Current Perspectives on Gratifications Research*. London: Sage Publications.
- Castells, M. 2000. "Materials for an Exploratory Theory of the Network Society". *British Journal of Sociology*. vol. 51, no.1, Januari/Mac.
- Chandra Muzaffar. 1996. "Accomodation and Acceptance of Non-Muslim Communities within the Malaysian Political System: The Role of Islam". *The American Journal of Islamic Social Sciences*. vol. 13, no. 1.
- Dilnawaz A. Siddiqui. 1993. "Information: Technologies and Globalization: Reunion vs Ripples". *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 15: 3.
- Dilnawaz A. Siddiqui. 1996. "Popular Culture in the Muslim World : Past and Present". *AJISS*. 13:1, pp. 100-108.
- Davies, M. W. 1989. "Serving the Public: Muslim Presence on the Airwaves". Dalam *Beyond Frontiers: Islam and Contemporary Needs*. London: Mansell.

- Ding Choo Ming. 1998. "Koridor Raya Multimedia: Persiapan Ke Alaf Baru". *Pemikir*. Oktober-Disember.
- Ding Choo Ming. 2000. Pembentukan Generasi Internet di Alaf Baru". *Pemikir*. Januari –Mac.
- Ding Choo Ming. 2004. "Menelusuri Pemikiran ICT Mahathir". *Pemikir*. Januari-Mac.
- Drucker, P. F. 1995. *Realiti Baru*. Terj. Nazlifa Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Faruqi, Ismail. 1998. *Atlas Budaya Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Fatema Mernissi. 2008. "Love in Digital Islam: Why Ibn Hazm is a Success on the Internet". <http://www.mernissi.net>. Akses 25 April, 2008.
- Farish A. Nor. 1996. Ignoring the Popular Cultural Discourse. <http://www.Muslimmedia.com/archives/sea98/youth.htm> akses 25 Mei 2009.
- Feather, John. 2000. *The Information Society A Study of Continuity and Change*. London: Library Association Publishing.
- Hailan Bin Haji Salamun. 2005. Implikasi Penggunaan Internet Terhadap Penghayatan Islam di Ibu Kota Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairudin Harun. 1999. *Komputer dari Idea Ke Sosioteknologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamid Mowlana. "The Islamization of Iranian Television". *Intermedia*. vol. 17, no. 5, Okt- Nov.
- Ibrahim Arif dan Goh Cheng Chuan (ed.). 2000. *Multimedia Super Corridor*. Kuala Lumpur: Leeds Publication.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 1992. Kongres menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur: IKIM.
- Jalaludin Abdul Malik. 1998. "Bandaraya Bestari dari Perspektif Islam". *Islamiyyat*. Jil. 18 &19.

- Joshua Teitelbaum. 2002. "Deuling for Da'wa: State versus Society on the Saudi Internet". *The Middle East Journal*. vol. 56, no. 2.
- al-Kathir, Abu al-Fida' Ismail b. Umar. 1969. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Lindsay Wise. 2004. "Amr Khaled: Broadcasting the Nahda". *TBS* 13, <http://www.tbsjournal.com>, Akses 13 Mei 2009.
- Louay M. Safi. 1995. "Leadership and Subordination: An Islamic Perspective". *The American Journal of Islamic Social Sciences*. vol. 12, no. 2.
- Louay M. Safi. 1996. "Islam and the Global Challenge: Dealing with Distortion of the Image of Islam by Global Media". *Islamic Studies*. 35, 2, hal. 191-201.
- M Jusoff Taib. 1991. "Drama Dakwah: Penerbit Sukar Cari Penulis". *Dakwah*, Jun.
- Maha Shahba. 2005. "Iqra: Channel with a Mission". *TBS*, No. 14.
- Mahathir Mohamad. 1998. *Excerpts from the Speeches of Mahathir Mohamad on the Multimedia Super Corridor*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Makhdir Mardan. 2000. Mendaki Zaman Perubahan yang Berterusan. Dalam Shaikh Mohd. Saifuddeen bin Shaikh Mohd. Salleh (ed.). *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- al-Marbawi, Idris Muhammad. 1935. *Kamus Idris al-Marbawi Arab Melayu*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Marina Zahari et. al. 2006. "Kajian Awal Ke Atas Ibu Tunggal di Malaysia serta Keperluan Mewujudkan Maklumat Berpusat". (Pembentangan Kertas Kerja). *Symposium Pembangunan Komuniti Marginal*, Universiti Utara Malaysia, 12-14 September.
- Marwan M. Kraidy. 2006. "Reality Television and Politics in the Arab World: Preliminary Observations". *TBS*, No. 15.

- Masnidah Ishak. 2003. *Teknologi Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Agama Menengah Bestari JAIS*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Maureen Abdallah. 1981. "Mustafa Akkad: International Film Maker". *Ur. no. 3*, 1981.
- M. Zaki Ibrahim. 2005. "Models of Communication in the Qur'an: Divine-Human Interaction". *American Journal of Islamic Social Sciences*. vol. 22:1
- Mohd. Azaini Maarof. 2002. "Peluang Masyarakat Islam dalam Perkembangan dan Kemajuan ICT Masakini". (Pembentangan Kertas Kerja). *Seminar Berdakwah Menerusi ICT*, anjuran Kerajaan Negeri Melaka, 9-10 September.
- Mohd. Taib Ariffin dan Che Su Binti Mustafa. 2000. Pola Penggunaan dan Pendedahan Internet di Kalangan Ahli Masyarakat. Dalam Latifah Pawanteh dan Mazni Buyong (ed.). *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Mohamad Fauzan Nordin. 2003. "Wisdom: The Missing Dimension in Information and Communication Technology". *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 20: 3&4, Fall. Hal. 83-104.
- Muhammad Ali. 2005. "The Rise of the Liberal Islam Network (JIL) in Contemporary Indonesia". *American Journal of Islamic Social Sciences*. vol.22, no. 1.
- Muhamad Uthman al-Muhammady. 2000. Adaptasi Pendekatan Dakwah dalam Era Globalisasi. Dalam Shaikh Moh. Saifuddeen bin Syaikh Mohd. Salleh, *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Musa Abu Hassan. 2001. *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Naila Nabil Hamdy. 2004. "The Internet and Egypt's National Development". (Pembentangan Kertas Kerja). 9th AUSACE Annual Conference, EGYPT.

- Nevison, J. 1976. "Computing in the Liberal Arts College". *Science*, Oct. 22.
- Norsaidatul Akmar Mazelan et. al. 1999. *Multimedia Super Corridor A Journey to Excellence in Institutions of Higher Learning*. London: Asean Academic Press.
- Rafik Beekun, 2007. Pornography (Part 1) Disturbing Statistic for Muslim Countries. <http://makkah.wordpress.com>. Akses 2 Februari 2009.
- Rahmah Hashim et. al. 2000. Difusi Internet di Kalangan Pengguna Awal di lembah Kelang: Beberapa Penemuan Awal. Dalam Latifah Pawanteh dan Mazni Buyong (ed.). *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Robiah Sidin et. al., 2003. Membudayakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kalangan Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Arus Perdana 2*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robinson, F. 1993. "Technology and Religious Change: Islam and the Impact of Print". *Modern Asian Studies*. no. 27.
- Rogger H.W. 2001. Malaysia's Multimedia Super Corridor, dalam Palvia et. al (ed.) *Global Information Technology and System Management*. Ivy League Publishing.
- Rogers E. M. 1991. *Teknologi Komunikasi Media Baru dalam Masyarakat*, terj. Zulkarnaina Mohd. Mess. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schleifer, Abdullah S. 1987. "Mass Communication and Technicalization of of Muslim Society". *Muslim Education Quarterly*. vol. 4, no. 3.
- Shaharom TM Sulaiman. 2001. "Budaya Hiper dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja dalam Era Siber". *Jurnal Yadim*, bilangan kedua, November. hal. 1-13.
- Siti Hajar Che Man dan Ratna Roshida Abdul Razak, 2006. "Modal Insan Sebagai Modul Ke Arah Pengkeupayaan Ibu-Ibu Tunggal: Satu Cadangan Awal", (Pembentangan Kertas Kerja). *Simposium*

- Pembangunan Komuniti Marginal*, Universiti Utara Malaysia, 12-14 September.
- Sidi Gazalba. 1986. *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sulaiman S. Nyang. 1988. "Islam and Technological Change in the Modern World". *Muslim Education Quarterly*. vol. 6. No. 2.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 1992. Pemikiran Awal Tentang Sifat Ilmu dan Tafsiran dan Tujuan Pendidikan. *Tujuan dan Objektif Pendidikan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman al-Habshi. 1998. Perdagangan Islam Berasaskan Teknologi Maklumat. Dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Sarina Othman (ed.) *Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Syed H. Pasha. 1993. "Towards a Cultural Theory of Political Ideology and Mass Media in the Muslim World". *Media, Culture and Society*, vol. 15.
- Szuprowicz, B. G. 1992. *Multimedia Technology*. South Carolina: Computer Technology Research Group.
- Ibn Taymiyyah. 1995. *Siasah Syar'iyah Etika Politik Islam*. Terj. Rofi Munawwar. Surabaya: Risalah Gusti.
- Tengku Mohd. Azzman Sharifadden. 1998. "Information Technology Development for the Muslim Countries – Challenges for the 21st Century". (Pembentangan Kertas Kerja). *Seminar on Improving Productivity and Deepening Industrialization in the fields of Electronics, Information and Telecommunications in the OIC Member Countries*, Kaherah, Mesir, 19-24 Jun.
- Tunstall, J. 1977. *The Media Are American*. London: Constable.
- Yusuf al-Qaradhawi. 1988. *Al-Islam Hadharah al-Ghad (Islam Teras Tamadun Masa Depan)*. Terj. Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

- Yusuf al-Qaradhawi. 2004. "Interview with Syeikh Yusof al-Qaradhawi", *TBS* 13, Fall. <http://www.tbsjournal.com/archives/fall04/interviewyusufqaradawi.htm>. Akses 25 Mei 2009.
- Ziauddin Sardar. 1993. "Paper, Printing, and Compact disc: the Making and Unmaking of Islamic Culture". *Media, Culture and Society*, vol. 15, hal. 43-59.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2001. "Internet Sekadar Alat Bukan Guru". *Al-Islam*. Mac.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2001. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

INDEKS

A

Ahmad Ghalwash 3
Athar 7
Arnold T.W. 10, 11
Ahmad Syafie 18
Ahmad Zaki Abdul Latif 28
Abdullah Scheleifer 168
Ahmad dan Hill 24, 29-30
American Idol 155, 172-173
Amr Khaled 158-159

B

al-Bukhari 28, 164
Baitul Hikmah 30, 142
Budaya popular 139, 149-54, 156-157, 159-60

C

Communicating fiqh 36
Celik Komputer 21-22, 37-40, 42-43, 47
Celik maklumat 43, 45, 47
Cyberpunk 78, 134
Converts 98-99, 103, 105, 107-8

D

Dakwah
 Kandungan 75, 77-78, 80, 92, 96-98, 104, 126, 138-39, 155, 159, 171,
 Metodologi 1-5, 7, 10-11, 16-17, 20, 50, 83, 135
 Bil-hal 24
 Berbantuan Komputer (DBK) 46
Digital Islam 133-35, 140-41, 144-46, 148, 172
Darul Arqam 17, 93

F

Fikrah 17
Fardu kifayah 23

Dakwah dalam Era Siber di Malaysia

al-Faruqi 29, 152
Fabriano, Italy 34, 142

G

Gary R. Bunt 135

H

Hikmah 4-5, 10-11, 24, 45, 83, 97, 24, 140, 142
Hadhari 11, 123
Hamid Mowlana 33, 121, 145, 169
Hairudin Harun 40, 87
Harris 55-57, 59, 62

I

al-Itqan 4
al-Hakim 4
Industri persuratkhabaran 35
Insan-sentrik 39, 87
Islamonline 98, 101, 126-28, 131
Islamnet 141, 144

J

JAKIM 18, 92, 125
Jabatan Agama Islam 18, 42, 69
Jaringan Islam Liberal (JIL) 84

K

Kebangkitan Islam 22, 96, 101, 149
Kaunselor siber 119, 126-28, 131-32
Konflik idealis 167

L

Literasi ICT 36, 71
Louay Safi 59
Lambakan maklumat 75, 78

M

al-Mursalat ix, x
MultiMedia Super Corridor (MSC) 20, 47, 49
al-Mujadalah 4, 6-7
al-Mau'izah Hasanah 4-5, 83
Mauduk2-4, 6-10, 14, 22, 45-46, 57, 76-78, 80, 92-93, 95, 126, 165, 167
Manhaj Rabbani 20
Munsiy Abdullah 13
Muhammad Abu Bakar 15

Masyarakat majmuk 16
 Mahathir Mohamad 19, 50
 MIMOS 60
 Masyarakat jaringan 83-84, 88, 119-20, 122, 126, 131

N

Nabi Sulaiman 27
 Nabi Musa 5, 137
 Nabi Nuh 26-27
 Nabi Adam 4, 26
 Nabi Daud 27, 137
 Non-verbal 8
 Nuremberg 34
 Netizen 83-92, 96, 119-20

O

Order Baru Dunia 33

P

Pedagog-Pendakwah 11, 13
 Perkakasan 24-25, 31-32, 36-38, 41-42, 47, 63, 67, 69, 74 144, 170
 Panel penasihat Antarabangsa (PPA) 49
 Pekerja berpengetahuan 52, 67-68
 Pembudayaan ICT 41, 69, 73

Q

al-Qitr x

R

Rogers. M 25, 32
 al-Rih x
 Realiti TV 154, 160, 173-74

S

Siber 20, 24, 40, 47, 51-52, 73, 77-80, 89-90, 92, 95, 101, 108, 119, 126-28, 131-32, 144
 Sufi-intelek 13
 Super secular 21
 Sulaiman Nyang 31
 Syed H. Pasha 34, 153
 SAMBES 42
 Shaharom 78, 139

T

Teknologi
 Satelit 36, 20, 149, 139, 141, 145, 155, 157-58, 171-73

Dakwah dalam Era Siber di Malaysia

Komputer 19-22, 32, 36-43, 46-47, 60, 68-71, 73-74, 78-80, 85-86, 90, 93-94,
140-42, 144, 146, 171-73

Penyiaran 16, 24, 31, 36, 77, 86, 141, 144, 169-73

Penerokaan 31, 46, 71

Radio 19, 36, 86, 89, 143-44, 146, 150-52, 163, 167, 169, 105

Tasawuf 10, 13-14

Tekno-sentrik 87-88

V

Virtualisasi 87

W

Waraqeen 34, 142

Wawasan 2020 50, 60, 65

Y

YPEIM 18

YADIM 18

Z

Ziauddin Sardar 1, 142-43

Dakwah Dalam Era Siber di Malaysia

Dakwah kini berada dalam persekitaran baru terutama akibat kemunculan pelbagai teknologi komunikasi yang dikaitkan dengan komputer dan juga satelit. Dalam persekitaran ini, dakwah perlu bergerak dalam kerangka asas atau manhaj rabbani iaitu secara berhikmah, nasihat yang baik dan bermujadalah secara yang terbaik. Fasa-fasa perkembangan dakwah memperlihatkan kedinamikannya terutama dengan menfokuskan kepada membangunkan manusia sebagai khalifah Allah. Dengan kemunculan masyarakat jaringan, netizen, dan perubahan sistem penyampaian dari analog kepada digital, dakwah perlu berhadapan dengan perubahan ruang dan masa serta beberapa nilai baru yang muncul dalam khalayak manusia. Justeru, buku ini mengupas fenomena persekitaran dakwah siber khususnya dalam konteks Malaysia yang sedang menuju kepada sebuah negara maju berasaskan acuan sendiri. Dakwah Berbantuan Komputer (DBK), laman sesawang, digital Islam serta pembangunan budaya popular Islam antara isu-isu yang dibincangkan. Buku ini sesuai untuk bacaan komuniti institusi pengajian tinggi dan juga masyarakat awam.

ZULKIPLE ABD GHANI, Ph.D (Edinburgh) ialah Profesor dalam bidang Dakwah dan Media di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebelum berkhidmat dengan USIM, beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia selama 19 tahun. Antara buku lain yang pernah dihasilkan oleh beliau ialah Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat.

ISBN 978-967-5295-40-9



9 789675 295409